

Komunikasi Silang Budaya Oleh Pemandu Pelancong Malaysia Berbahasa Jepun

ABSTRAK

Pemandu pelancong perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi antara budaya demi mencapai komunikasi yang efektif dan penyaluran maklumat yang tepat bagi membentuk pengalaman pelancong terhadap destinasi yang dilawati. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti pola komunikasi yang terdapat dalam komunikasi silang budaya antara pemandu pelancong Malaysia berbahasa Jepun dengan pelancong Jepun semasa sesi pemanduan lawatan pelancongan. Perbualan pemandu pelancong dan pelancong dirakam menggunakan IC Recorder. Rakaman video dan catatan pemerhatian turut dilakukan bagi membantu penyediaan transkripsi perbualan. Hasil kajian mendapati bukan sahaja aspek pengetahuan budaya Malaysia dan Jepun yang banyak diaplikasikan tetapi aspek penggunaan bahasa Jepun juga memainkan peranan yang penting dalam komunikasi silang budaya antara kedua belah pihak tersebut. Dapatkan daripada kajian ini diharapkan akan menjadi rujukan kepada pendidik dan perangka silibus pendidikan bahasa Jepun khususnya pendidikan bahasa Jepun untuk pelancongan sebagai panduan dalam meningkatkan penguasaan komunikasi silang budaya dalam kalangan pemandu pelancong di Malaysia.

Kata kunci: Komunikasi silang budaya; Pemandu pelancong; Bahasa Jepun; Pelancongan; Pelancong Jepun